

MAHATHIR - KILANG

1978  
PADANG SANAI (KEDAH), 16 FEB (BERNAMA) — KERAJAAN TELAH MENGARAHKAN SUPAYA KILANG-KILANG YANG DILULUSKAN DIDIRIKAN DI NEGERI-NEGERI YANG KURANG MAJU SEBAGAI LANGKAH MEMPERHEBATKAN LAGI USAHA MEMBAWA KEMAJUAN PERINDUSTRIAN KE NEGERI-NEGERI YANG MUNDUR. PEMANGKU PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA HARI INI, DI SAMPING ITU KERAJAAN PUSAT JUGA MELALUI KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN DAN KEMENTERIAN PERUSAHAAN AWAM SERTA FIDA SENTIASA BERUSAHA DARI MASA KE SEMASA UNTUK MENARIK PARA PELUAR ASING DENGAN BANYAKNYA KE NEGARA INI. +DENGAN KEDATANGAN USAHAWAN-USAHAWAN LUAR NEGERI MAKA MUDAH-LAH KITA MEHYALURKAN PROJEK-PROJEK BERKENAAN KE TEMPAT-TEMPAT YANG KURANG MEMBANGUN.+ KATANYA.

BELIAU MENYATAKAN DEMIKIAN DI UPACARA PERASMIAN KILANG GULA DAN LADANG TEBU, SYARIKAT GULA PADANG TERAP BERHARGA \$103 JUTA OLEH SULTAN KEDAH DI SINI. UCAPANNYA DIBACAKAN OLEH MENTERI PERUSAHAAN AWAM, DATUK HAJI MOHAMAD YAACOB.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN MENAMBAH, +JANJI-JANJI KERAJAAN HENDAK MEMBAWA PEMBANGUNAN KE TEMPAT-TEMPAT YANG KURANG BERNASIB BAIK TELAH TERBUKTI DARI MASA KE SEMASA.+ — BERSAMBUNG 1251/YF

MAHATHIR - KILANG 2 PADANG SANAI

DI SAMPING ITU, KATANYA, USAHA KERAJAAN HENDAK MEMBANYAKKAN BAHAN MAKANAN TERUTAMA YANG DIKELUARKAN DALAM NEGERI JUGA MENAMPILKAN KEJAYAAN YANG BAIK.

USAHA-USAHA UNTUK MENCAPAI MATLAMAT CUKUP UNTUK KEPERLUAN SENDIRI SEUMPAMA ITU ADALAH SANGAT MUSTAHAK UNTUK MENGELAKKAN DARI PARA PEMBEKAL BAHAN-BAHAN KEPERLUAN DIANCAM OLEH KEADAAN DI LUAR NEGERI.

MENGENAI USAHA MEMBENTERAS KEMISKINAN PULA, PEMANGKU PERDANA MENTERI BERKATA, KERAJAAN TERPAKSA MENEKANKAN TENTANG MUSTAHAKNYA PENGLIBATAN KAUM BUMIPUTERA DALAM PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN SEPERTI PROJEK GULA TEBU PADANG TERAP ITU.

UNTUK ITU BUMIPUTERA HARUSLAH BERSEDIA MELIBATKAN DIRI MELALUI LATIHAN-LATIHAN YANG BERKAITAN DENGAN PENGURUSAN SAMADA DARI ASPEK PENTADBIRAN TEKNIK DAN SEBAGAINYA, KATANYA.

BELIAU JUGA MENYATAKAN BAHAWA KERAJAAN SENTIASA BERSEDIA UNTUK MENYERAHKAN BANTUAN SAHAM YANG DIMILIKI DALAM SYARIKAT-SYARIKAT USAHASAMA DENGAN PIHAK SWASTA JIKA DIDAPATI ADA BUMIPUTERA YANG MAMPU, SESUAI DAN LAYAK.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENSIFATKAN PROJEK GULA ITU SEBAGAI SALAH SATU USAHA KERAJAAN UNTUK MEMPERBAGAIKAN EKONOMI NEGERI INI. — BERSAMBUNG 1255/YF

B531

MAHATHIR - KILANG 3 PADANG SANAI

SEBAGAI NEGERI JELAPANG PADI MALAYSIA, EKONOMI NEGERI KEDAH TERLALU BERGANTUNG KEPADA HASIL SEPERTI PADI DAN GETAH DAN INI BOLEH MENIMBULKAN KEADAAN YANG TIDAK DIINGINI SEPERTI KEMARAU SEKARANG YANG TELAH MENYEBABKAN KESUKARAN KEPADA PARA PETANI.

OLEH ITU KEGIATAN INDUSTRI SEPERTI PROJEK GULA ITU DAPAT MENOLONG MEMPERBAIKI KEADAAN YANG BERLAKU SEKARANG INI DI SAMPING MENSTABILKAN EKONOMI NEGERI, KATANYA. — BERNAMA 1257/YF